

Konsul Jeneral China lawat pelajar a-bangsa UMSKAL

NST 2.3.2015 3

LABUAN: Konsul Jeneral China di Konsulat Jeneral yang berpejabat di Kota Kinabalu, Chen Peijie mengadakan lawatan ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Jumaat.

Beliau yang diiringi Presiden Dewan Perniagaan Tionghua Labuan (LCCC), Datuk Wong Kii Yii mengadakan perbincangan dan taklimat bersama Timbalan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal di pejabatnya di Aras 13, Bangunan Menara kampus berkenaan.

Geoffrey yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik memaklumkan mengenai infrastruktur dan kemudahan serta suasana pengajaran dan pembelajaran di UMS Labuan.

Chen Peijie yang pertama kali melawat Labuan turut mengadakan perjumpaan dan dialog dengan kira-kira 121 pelajar China yang

menuntut ilmu di universiti berkenaan.

Beliau menasihatkan pelajar supaya sentiasa mematuhi peraturan universiti dan undang-undang negara ini bagi kesejahteraan mereka sendiri.

Selain itu, Chen Peijie yakin hubungan baik antara kerajaan Malaysia dengan China melalui UMS akan berkekalan sekaligus memudahkan urusan pelajar antarabangsa dari negara berkenaan khususnya yang berkaitan pendidikan mereka.

"Mereka harus melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum dan kemasyarakatan anjuran UMS Labuan supaya mereka memahami adat dan budaya masyarakat tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan dan Malaysia amnya," katanya.

Sementara itu, Geoffrey berkata pelajar China haruslah mengikuti latihan industri di Malaysia dan bukannya di negara asal mereka untuk mempelajari suasana pekerjaan teruta-

manya di luar negara mereka.

Beliau turut memaklumkan terdapat pelajar China yang mendapat keputusan cemerlang dalam pengajian yang mereka ikuti.

Turut bersama dalam lawatan singkat itu, Konsul Attache Konsulat Jeneral China, Chen Xin; Setiausaha Perhubungan Persatuan Ma-Zhong Sabah, Liau Chee Kok dan Penyelaras Pelajar Antarabangsa, Emily Yapp Hon Tshin.

Sebelum ini, Pengerusi Dewan Perniagaan Tionghua Labuan, Datuk Wong Kii Yee, menyuarakan kepada kerajaan agar pelajar-pelajar China yang menuntut di UMSKAL diberi peluang untuk melanjutkan latihan pratikal di kawasan berpotensi dalam pelbagai bidang di Wilayah Persekutuan Labuan sebelum mereka kembali ke tanah air masing-masing. - OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainuddin@newsabahtimes.com.my)